

Newspaper	Berita Harian
Date	30/7/2014



Penyenaraian bahagian penjana tenaga 1MDB melalui asetnya termasuk Powertek di Bursa Malaysia dijangka melonjakkan indeks komposit ke paras lebih 2,000 mata dalam tempoh terdekat.

(BH - 30/7/14)

Penyenaraian 1MDB Lonjak Bursa Malaysia

» Syarikat dijangka cipta pasaran bulis, tolak FBM KLCI ke paras tertinggi

Oleh Abdul Halim Yusoff
halem@bh.com.my

1 Malaysia Development Bhd (1MDB), entiti milik penuh kerajaan, sudah terpalit dengan pelbagai laporan negatif sejak setahun lalu dan semakin memuncak selepas syarikat itu mengumumkan rancangan membuat tawaran awam permulaan (IPO).

IPO itu yang dijangka meraih RM10 bilion, akan menjadi tawaran awam terbesar di negara ini, malah lebih besar daripada IPO Felda Global Ventures Bhd (FGV).

Walaupun ramai yang bimbang dengan IPO FGV pada peringkat awal, kekukuhan sektor sawit Malaysia mengubah keadaan sehingga menjadikan pelaburan saham

lebih menarik kepada pelabur baharu untuk kembali semula ke pasaran," kata pengarah pembiayaan korporat M&A Securities, Bill Tan.

Lonjak indeks komposit
Tan berkata, pelabur akan memberi perhatian bagaimana pelaksanaan IPO 1MDB dilaksanakan, justeru kejayaan penyenaraian itu dijangka melonjakkan indeks komposit ke paras yang belum tercatat sebelum ini.

"Saya tidak akan terkejut jika FBM KLCI (indeks penanda aras Bursa Malaysia) kembali ke paras tertinggi baharu. FBMKLCI sudah merekodkan paras tertinggi baharu, baru-baru ini dan minat yang berterusan ini dijangka membawa indeks itu ke paras lebih 2,000 mata dalam tempoh terdekat," katanya.

1MDB yang akan menyenaraikan bahagian penjana tenaganya pada suku keempat tahun ini, memilih Deutsche Bank dan Maybank sebagai penasylaras global. Maybank dan AmBank dipilih sebagai pena-

sihat bersama dan Goldman Sachs adalah penasihat IPO itu.

1MDB memiliki 16 loji tenaga dan penghasilan air tar di enam negara termasuk Mesir, Sri Lanka, Bangladesh, Pakistan dan Emiriah Arab Bersatu (UAE). Kumpulan 1MDB mempunyai jumlah janaan tenaga terkumpul sebanyak 5,570MW.

1MDB adalah pengeluar tenaga bebas kedua terbesar di Malaysia. Asetnya termasuk Powertek yang mengendalikan tiga loji tenaga di Melaka, Loji Tenaga Kuala Langat di Selangor dan loji janaan gas Jimah Energy di Negeri Sembilan.

"Bagi saya, pasaran sedang melihat Ketua Pegawai Eksekutif 1MDB, Mohd Hazem Abd Rahman, yang memang kurang dikenali. Walaupun pelbagai isu membadaai syarikat itu, beliau kelihatan tidak terkesan dengan keadaan itu," kata penganalisis di M&A Securities, Edmund Tham.

Katanya, tiada kecacatan

dengan model perniagaan 1MDB kerana sebahagian besar hutangnya dicagarkan dengan aset tenaga yang mana menghasilkan kira-kira AS1 juta (RM3.17 juta) kepada pendapatan syarikat setiap hari.

Bagaimanapun, syarikat itu mempunyai isu dengan imejnya, yang tidak berkaitan dengan hal ehwal perniagaannya.

Dana syarikat tak terjejas

Sebelum ini timbul kebimbangan sejumlah besar dana 1MDB sudah hilang, bagaimanapun dakwaan itu sudah ditepis apabila juruaudit antarabangsa "mengesahkan semua dana syarikat terbabit tidak terjejas.

Sehubungan itu, Hazem yang menerajui 1MDB sejak awal tahun lalu perlu memastikan cerita sebenar 1MDB sampai kepada pelabur dan masyarakat. Syarikat itu ada banyak aset dengan potensi pertumbuhan ketara, terutama simpanan tanahnya di pusat bandaraya Kuala Lumpur, kedudukan kukuhnya dalam sektor tenaga, suatu segmen perniagaan oligopoli kerana tidak banyak persaingan.

Dalam sektor hartanah, 1MDB akan membangunkan tapak seluas 70 ekar (28.3 hektar) di tengah-tengah pusat bandar Kuala Lumpur, Tun Razak Exchange (TRX) dan pembangunan berkembarnya kira-kira tiga kilometer dari TRX, projek Bandar Malaysia di tapak seluas 495 ekar di Sungai Besi.

"Sudah tentu bank perdagangan akan memainkan peranan, tetapi keupayaan Hazem untuk meyakinkan pelabur mengenai potensi sebenar 1MDB kepada pelabur institusi akan menjadi kunci kepada penerimaan menyeluruh pasaran terhadap penyenaraian 1MDB," katanya.

"Bagi saya apa yang penting adalah menyedarkan pelabur dan orang ramai apa yang sebenarnya disenaraikan di Bursa Malaysia. Saya percaya ramai yang berpendapat syarikat pegangan yang akan disenaraikan. Itu tidak betul. Sebenarnya perniagaan tenaga yang akan disenaraikan," kata Tan.

Menurut Tan, Hazem yang juga bekas penganalisis di Deutsche Bank, perlu memperjelaskan keadaan itu kepada pasaran dan tidak membiarkan pelabur termakan dengan pelbagai dakwaan songang, sebaliknya menilai syarikat itu atas prestasi dan potensi sebenarnya.

Jika penilaian pada asas sebenar sudah dibuat dan pelabur memberi maklum balas seperti terhadap IPO FGV, maka besar kemungkinan 1MDB akan turut mempunyai keupayaan sama mencipta pasaran bulis dan menolak FBM KLCI ke paras lebih 2,000 mata tidak lama lagi.

